

'Jadikan Malaysia negara pembaca'

BH- 29/3/2007

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat menerap sikap dan budaya gemar membaca termasuk karya sastera bagi menjadikan Malaysia sebagai 'negara pembaca' dan setaraf penduduk di negara maju

"Kita perlu menjadikan Malaysia negara pembaca... itu cabaran kepada kita semua. Tiada kerajaan boleh melakukan tugas berat ini berseendirian.


"Oleh itu, saya berharap penubuhan Persatuan Sastera Antarabangsa Malaysia (MILS) dengan objektif utama menggalakkan pembacaan dan penulisan semua peringkat serta meningkatkan penghargaan kesusasteraan antarabangsa, akan melengkapkan usaha kerajaan," katanya ketika melancarkan MILS dan Festival Sastera Antarabangsa Kuala Lumpur (KEILF) 2007 di sini, malam tadi.

Hadir sama, isterinya yang juga Penaung KLILF, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Presiden MILS, Prof Lim Chee Seng.

KLILF 2007 yang berlangsung tiga hari itu disertai penulis dan penggiat sastera dari 10 negara.

Najib yang menyifatkan acara itu sesuai dengan Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM'07) berkata, bidang kesusasteraan mempunyai pengaruh besar dalam mewujudkan suasana keintelektualan dalam persahabatan serta menggalakkan perkembangan sosial, ekonomi dan persefahaman antarabangsa.

"Pembacaan dan aktiviti sastera



PERASMIAN KLILF: Najib dan isteri, Rosmah menekan butang perasmian, sambil diperhatikan Prof Lim sempena pelancaran Festival Kesusasteraan Antarabangsa Kuala Lumpur 2007 di One Bangsar, semalam.

membawa masyarakat ke depan, menghubungkan kumpulan sosial dan mengikat individu. Ia juga meningkatkan kemahiran diperlukan dalam meningkatkan ekonomi kompetitif pada abad ke-21.

"Oleh itu kerajaan akan terus memainkan peranan secara aktif mempromosikan pembacaan dan aktiviti sastera di kalangan masyarakat. Perkaranya ini sedang dilakukan dengan

penuh bersemangat oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Warisan serta Kementerian Pelajaran," katanya.

Najib turut menggariskan tiga pendekatan lain dalam meningkatkan pembangunan bidang sastera pada peringkat nasional dan negeri iaitu;

● Menubuhkan Perkampungan Buku, Pasar Buku, rangkaian, usaha sama, pertubuhan kesusasteraan,

perpustakaan dan penerbitan.

● Mengiktiraf dan memperkenalkan penulis tempatan melalui pemberian anugerah, pelancaran terbitannya, penyiaran dan pembacaan, dan

● Membabitkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kesusasteraan dengan mewujudkan kelab buku serta program pembacaan di perpustakaan, tempat kerja dan pusat masyarakat.

ROSZAN WAHID | BERITA HARIAN